

D.R. 23/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Seksyen baharu 424A, 424B, 424C dan 424D

2. Kanun Keseksaan [Akta 574] dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 424 seksyen yang berikut:

“Possession or control of payment instrument or account

424A. Whoever, without lawful authority or lawful purpose, has in his possession or control any payment instrument of other person or any account of other person at a financial institution, shall be punished with fine of not less than five

thousand ringgit but not exceeding fifty thousand ringgit or with imprisonment for a term of not less than six months but not exceeding five years or with both.

Giving possession or control of payment instrument or account to other person

424B. Whoever, directly or indirectly, without lawful authority or lawful purpose, gives possession or control of his payment instrument or his account at a financial institution to any other person, shall be punished with fine of not less than ten thousand ringgit but not exceeding one hundred thousand ringgit or with imprisonment for a term of not less than one year but not exceeding seven years or with both.

Engaging in transaction in payment instrument or account

424C. (1) Whoever, directly or indirectly, without lawful purpose, engages in any transaction using his payment instrument or his account at a financial institution, shall be punished with imprisonment for a term of not less than three years but not exceeding ten years or with fine of not less than ten thousand ringgit but not exceeding one hundred and fifty thousand ringgit or with both.

(2) Whoever, directly or indirectly, without lawful authority or lawful purpose, engages in any transaction using any payment instrument of other person or any account of other person at a financial institution, shall be punished with imprisonment for a term of not less than three years but not exceeding ten years or with fine of not less than ten thousand ringgit but not exceeding one hundred and fifty thousand ringgit or with both.

Definition of “financial institution” and “payment instrument”

424D. For the purposes of sections 424A, 424B and 424C—

(a) “financial institution” means—

(i) a licensed bank under the Financial Services Act 2013 [Act 758];

- (ii) a licensed Islamic bank under the Islamic Financial Services Act 2013 [Act 759]; and
- (iii) a prescribed institution under the Development Financial Institutions Act 2002 [Act 618]; and

(b) “payment instrument” means—

- (i) a prescribed designated payment instrument under the Financial Services Act 2013; and
- (ii) a prescribed designated Islamic payment instrument under the Islamic Financial Services Act 2013.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024 bertujuan untuk meminda Kanun Keseksaan (“Akta 574”), antara lainnya, untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang berhubungan dengan instrumen pembayaran atau akaun di institusi kewangan, sebagai langkah untuk menangani peningkatan fraud kewangan dalam talian yang membimbangkan dalam negara.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 424A, 424B, 424C dan 424D ke dalam Akta 574.

Seksyen baharu 424A yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan dan penalti bagi pemilikan atau kawalan terhadap mana-mana instrumen pembayaran orang lain atau mana-mana akaun orang lain di institusi kewangan tanpa kuasa yang sah atau maksud yang sah.

Seksyen baharu 424B yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan dan penalti bagi pemberian pemilikan atau kawalan terhadap instrumen pembayaran atau akaun di institusi kewangan kepada mana-mana orang lain tanpa kuasa yang sah atau maksud yang sah.

Subseksyen baharu 424C(1) yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan dan penalti bagi seseorang yang terlibat dalam mana-mana transaksi menggunakan instrumen pembayarannya atau akaunnya di institusi kewangan tanpa maksud yang sah.

Subseksyen baharu 424c(2) yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan dan penalti bagi seseorang yang terlibat dalam mana-mana transaksi menggunakan mana-mana instrumen pembayaran orang lain atau mana-mana akaun orang lain di institusi kewangan tanpa kuasa yang sah atau maksud yang sah.

Seksyen baharu 424D yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi takrif “institusi kewangan” dan “instrumen pembayaran” dalam konteks seksyen baharu 424A, 424B dan 424C yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3372]